

(R)

**PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ISLAM DALAM
SISTEM PERBANKAN: KAJIAN
PERBANDINGAN ANTARA BANK MUAMALAT
MALAYSIA BERHAD DAN BANK ISLAM
MALAYSIA BERHAD**

HYDZULKIFLI BIN HAJI HASHIM

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511566040

**PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ISLAM DALAM
SISTEM PERBANKAN: KAJIAN
PERBANDINGAN ANTARA BANK MUAMALAT
MALAYSIA BERHAD DAN BANK ISLAM
MALAYSIA BERHAD**

HYDZULKIFLI BIN HAJI HASHIM

**DISERTASI INI DIKEMUKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN I I
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004**

DEDIKASI

Ya Allah, ya tuhanku, perlihatkanlah kepadaku kebenaran itu suatu yang benar, dan kurniakanlah kepadaku daya mengikutnya. Juga perlihatkanlah kepadaku kebatilan itu suatu yang batil dan kurniakanlah kepadaku daya menjauhinya.

Inginku abadikan sanjunganku buat....

Ayahanda Haji Hashim Ibn Haji Omar

&

Bonda Hajjah Habshah Bt. Haji Ismail

Keluarga yang di cintai

Tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat...

Seperjuangan yang menegakkan kalimah Allah

Kenangan bersama kalian tetap abadi dalam minda

&

Buat semua yang ku kasih

dan yang mengasihiku keranaNya

Syukran Jazilan

Ku sanjung kasih kalian setiap saat

Semoga ALLAH mengampuni dan merahmati kita semua

Kerana ALLAH sahaja yang Maha merahmati..

Amiiin...

"Aku menyerahkan urusanku kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha melihat akan hamba-hambanya"

(al-Mu'min : 44)

خلاصة البحث

هذا البحث يتعرض عن مقارنة الاقراض في التجارية الاسلامية تحت البنك الاسلامي الماليزي (BIMB) وبنك العاملة الماليزية (BMMB)، كلاهما يعاملان نظاما إسلاميا وكانا من أول البنوك الاسلامية في ماليزيا . وهذا البحث أيضا، يناقش فيه بشكل دقيق، وقد استعمل طرقا متعددة منها المشاركة والرائحة والوكالة والكفالة والمضاربة والقرض الحسن وبيع شمن آجل والإجارة وبيع الدين. وتتضمن المقارنة بجانب الاسمي الذي يستخدم فيه و الكيفيات و هامش الربح على العملاء من البنك ومدة التقسيط الاقراض. ويجد الباحث أنه ليس هناك فرق كبير في الاقراض إلا الفرق في هامش الربح على العملاء (المشتري) والاسم الذي يستخدم فيها.

ABSTRAK

Disertasi ini bertujuan untuk membandingkan produk-produk pembiayaan perdagangan Islam yang telah ditawarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). Kedua-kedua buah bank ini merupakan antara bank yang terawal di Malaysia yang mengamalkan sistem perbankan Islam (SPI). Kajian ini turut membincangkan secara terperinci prinsip-prinsip syariah yang mendasari produk-produk tersebut iaitu *al-mushārakah*, *al-murābahah*, *al-wakālah*, *al-kafālah*, *al-mudārabah*, *al-qard al-hasan*, *al-bay' bithaman ājil (BBA)*, *al-ijārah* dan *bay' al-dayn*. Perbandingan yang dilakukan adalah berdasarkan beberapa aspek seperti nama produk yang ditawarkan, modus operandi, kadar keuntungan yang dikenakan terhadap pelanggan oleh pihak bank, dan tempoh pembiayaan yang dibiayai oleh pihak bank. Dapatkan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara antara produk pembiayaan perdagangan Islam kedua-dua buah bank tersebut. Perbezaan yang minor hanya terdapat dalam kadar keuntungan yang dikenakan ke atas pelanggan dan nama produk yang digunakan dalam pembiayaan perdagangan Islam oleh kedua-dua buah bank tersebut.

ABSTRACT

This purpose of this dissertation was to compare the products of the Islamic trading finance offered by Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) and Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). These banks were amongst the first to practice Islamic banking system in Malaysia. The study also discussed in detail the underlying Syariah principles of the products that is, *al-mushārakah*, *al-murābahah*, *al-wakālah*, *al-kafālah*, *al-mudārabah*, *al-qard al-hasan*, *al-bay' bithaman ājil* (BBA), *al-ijārah* and *bay' al-dayn*. Comparison of the products were based on several aspects such as, name of the products offered, the modes of operation, rate of profit incurred by the banks on customers and the period of finance by the banks. The findings of the study indicated that there was no significant difference between the products offered by the banks. Minor differences were only found in the rate of profit incurred by the banks on customers and the name of the products used in the Islamic trading finance by the banks.

PENGHARGAAN
BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum warahmatullah w.b.k.t.h...

Dengan nama ALLAH yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Pemilik sekalian alam dan selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga serta para sahabat baginda serta ulama' terdahulu dan terkini yang memperjuangkan penyebaran ilmu ALLAH sehingga ke hari ini.

Pertamanya, penulis mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia disertasi ini iaitu **Yg. Berbahagia Ustaz Azizi b. Che Seman** di atas segala bimbingan, tunjuk ajar beliau dan curahan idea-idea serta ilmu sehingga ke penghujung proses penyiapan disertasi ini. Kepakaran dan bimbingan beliau telah membantu melicinkan proses penulisan disertasi ini. Semoga segala pengorbanan dan sumbangan ikhlas beliau kepada penulis diberi ganjaran berlipat ganda oleh ALLAH S.W.T.

Keduanya, ucapan terima kasih kepada unit pentadbiran dan tenaga pengajar di Universiti Malaya terutamanya di Akademi Pengajian Islam yang tidak pernah jemu untuk mencerahkan ilmu tidak terhingga serta amat bernilai sekali bagi penulis. Begitu juga, sekalung penghargaan buat **En. Wan Muhammad Rashidie**, Eksekutif

Pembiayaan di BMMB Batu 8 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, **En. Khushaini**, Pegawai BIMB cawangan Klang, Selangor Darul Ehsan. **En. Mahfudz Abdullah** Selaku penasihat undang-undang di BIMB Jalan Sultan Ismail Kuala Lumpur, Kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tidak lupa juga kepada kakitangan Ijazah Tinggi Universiti Malaya yang banyak membantu serta semua pihak-pihak lain yang tidak mampu disebutkan di sini oleh penulis, yang telah menghulurkan bantuan dan kerjasama kepada penulis dalam menjayakan dan menyiapkan disertasi ini.

Jutaan penghargaan yang tidak terhingga juga diberikan kepada **Ayahanda Haji Hashim b. Haji Omar** yang telah banyak mengorbankan wang dan waktu di dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Beliau juga telah sanggup mengorbankan hampir separuh waktu beliau setiap hari untuk memastikan penulis tidak leka dalam kehidupan seharian dan memberi semangat agar meneruskan perjuangan hingga ke akhir. **Bonda Hajjah Habshah bt. Haji Ismail** juga sanggup menyediakan keperluan harian agar kesihatan penulis terjamin dan dapat meneruskan perjuangan ini. Tidak lupa juga kepada Hydrulsham Hashim, Hydzelan Hashim dan juga Hartini Hashim.

Sekalung penghargaan buat ustaz Khairul Anuar teman seperjuangan sarjana muda di International University of Africa, Khartoum Sudan, yang memberi dorongan agar meneruskan pelajaran setahap yang paling akhir, Rakan-rakan rumah sewa taman angkasapuri ustaz Nik Khairi, ustaz Che Rahiman, ustaz Delo dan juga

rakan-rakan serumah yang lain. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan serumah di UIAM Gombak al-Qādi Zahari, al-Qādi Lan, Sheikh hayyu ashir al-Miṣr Faizal Yussof dan rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberi teguran yang membina berkaitan dengan tajuk kajian ini. Lafaz terima kasih yang tak terhingga juga di lafazkan kepada semua tenaga pengajar di SMU(A) Tarbiah Diniah Gong Kemuning, Pasir Puteh, Kelantan Darul Naim terutama buat *al-Mudīr* ustaz Fadhilah Bin Yusof kerana banyak memberi banyak dorongan kepada penulis agar tidak putus asa di dalam pembelajaran serta memahami keadaan penulis yang terpaksa meluangkan waktunya untuk menyiapkan penulisan beliau. Begitu juga kepada Penolong Kanan ustaz Zambri *Tanṭa* kerana memahami situasi penulis yang begitu sibuk di dalam penulisan beliau.

Jutaan terima kasih juga kepada Dr. Haji Ahmad Ezanee Bin Hashim dan Dr. Haji Mokhtar Bin Dato' Haji Nawawi kerana menyumbangkan masa untuk membuat teguran serta komen dalam tesis ini.

Yang terakhir sekali, jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam semua aspek yang berkaitan bahan rujukan, ilmu pengetahuan, ilmu computer dan panduan menulis yang tidak terhingga. Semoga segala sumbangan kalian diberkati ALLAH dan mendapat balasan kebaikan di dunia dan di akhirat.

Hydzulkifli B. Haji Hashim

5497-D Jalan Telipot
15150 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim.

Tel : 09-7441421 / 012-9506331
E-mail: Mr.Hydzul@yahoo.com

Jabatan Syariah dan Ekonomi,
Akademi Pengajian Islam (API)
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

30 Mei 2004

DAFTAR ISI

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
Dedikasi	
خلاصة البحث	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Daftar isi	viii
Senarai Jadual	xviii
Senarai Lampiran	xx
Senarai Kependekan	xxii
Panduan Transliterasi	xxvi
Pendahuluan	xxix
Pengenalan	xxix
Latar Belakang Masalah Kajian	xxix
Kenyataan Tentang Masalah Kajian	xxxi
Objektif Kajian	xxxii
Kepentingan Kajian	xxxiii
Skop Kajian	xxxiii
Lokasi Kajian	xxxiv
Tinjauan Kajian Terdahulu (<i>Review of Literature</i>)	xxxiv
Metodologi Kajian	xl

Penyelidikan Perpustakaan (<i>Library Research</i>)	xli
Penyelidikan Lapangan (<i>Field Research</i>)	xli
Kenyataan Masalah Kajian	xlii

BAB PERTAMA

PRINSIP-PRINSIP SYARIAH DALAM PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ISLAM

1.0 Pendahuluan	1
1.1 <i>al-Mushārakah</i>	
1.1.1 Definisi	4
1.1.2 Perundangan <i>al-Mushārakah</i>	5
1.1.3 Jenis-Jenis <i>Shirkah</i>	6
1.1.3.1 <i>Shirkah 'Inān</i>	6
1.1.3.2 <i>Shirkah Mufāwadah</i>	7
1.1.3.3 <i>Shirkah Abdān</i>	7
1.1.3.4 <i>Shirkah Wujūk</i>	8
1.1.4 Rukun <i>al-Mushārakah</i>	9
1.1.5 Contoh <i>al-Mushārakah</i>	10
1.2 <i>al-Murābahah</i>	
1.2.1 Definisi	11
1.2.2 Perundangan <i>al-Murābahah</i>	11
1.2.3 Rukun <i>al-Murābahah</i>	12

1.2.4 Contoh <i>al-Murābahah</i>	13
1.2.5 Syarat Sah <i>al-Murābahah</i>	13
1.3 <i>al-Wakālah</i>	
1.3.1 Definisi	15
1.3.2 Perundangan <i>al-Wakālah</i>	16
1.3.3 Rukun <i>al-Wakālah</i>	17
1.3.4 Contoh <i>al-Wakālah</i>	17
1.3.5 Syarat Sah <i>al-Wakālah</i>	18
1.3.6 Jenis-Jenis <i>al-Wakālah</i>	19
1.4 <i>al-Kafālah</i>	
1.4.1 Definisi	20
1.4.2 Perundangan <i>al-Kafālah</i>	21
1.4.3 Rukun-Rukun <i>al-Kafālah</i>	22
1.4.4 Pembahagian <i>al-Kafālah</i>	22
1.4.5 Contoh <i>al-Kafālah</i>	23
1.5 <i>al-Mudārabah</i>	
1.5.1 Definisi	24
1.5.2 Perundangan <i>al-Mudārabah</i>	26
1.5.3 Rukun-Rukun <i>al-Mudārabah</i>	27
1.5.4 Jenis-Jenis <i>al-Mudārabah</i>	30

1.6	<i>al-Qard al-Hasan</i>	
1.6.1	Definisi	31
1.6.2	Perundangan <i>al-Qard al-Hasan</i>	32
1.6.3	Rukun-Rukun <i>al-Qard al-Hasan</i>	34
1.6.4	Perbezaan Di antara Pembiayaan Pinjaman Dan Pinjaman <i>al-Qard</i>	36
1.7	<i>al-Bay' bithaman ājil</i> (BBA)	
1.7.1	Definisi	37
1.7.2	Perundangan BBA	38
1.7.3	Rukun-Rukun BBA	39
1.7.4	Contoh BBA	41
1.8	<i>al-Ijārah</i>	
1.8.1	Definisi	42
1.8.2	Perundangan <i>al-Ijārah</i>	43
1.8.3	Rukun-Rukun <i>al-Ijārah</i>	44
1.8.4	Contoh <i>al-Ijārah</i>	46

1.9	<i>Bay' al-Dayn</i>	
1.9.1	Definisi	46
1.9.2	Perundangan <i>Bay' al-Dayn</i>	47
1.9.3	Kebaikan <i>Bay' al-Dayn</i>	48
1.9.5	Contoh <i>Bay' al-Dayn</i>	49
1.10	Kesimpulan	50

BAB KEDUA

PRODUK-PRODUK PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ISLAM DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB) DAN DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)

2.1	Pendahuluan	
2.2	Sejarah Penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	51
2.2.1	Perkhidmatan Yang Ditawarkan Di BIMB	53
2.2.1.1	Sumber Dana (Deposit)	54
2.2.1.2	Pembiayaan (Financing)	56
2.2.1.3	Lain-Lain Perkhidmatan	59
2.2.2	Produk Pembiayaan Perdagangan Islam di BIMB	61
2.2.2.1	Surat Kredit (<i>Letter Of Credit (LC)</i>)	62
2.2.2.1.1	Surat Kredit <i>al-Wakalah</i> (<i>Letter of Credit al-Wakalah</i>)	63
2.2.2.1.2	Surat Kredit <i>al-Musharakah</i> (<i>Letter of Credit al-Musharakah</i>)	65

2.2.2.1.3 Surat Kredit <i>al-Murabahah</i> (<i>Letter of Credit al-Murabahah</i>)	66
2.2.2.2 Surat Jaminan (<i>Letter of Guarantee (LG)</i>)	68
2.2.2.3 Pembiayaan Modal Pusingan Di Bawah Kontrak <i>Murabahah</i> (<i>Murabahah Working Capital Financing (MWCF)</i>)	69
2.2.2.4 Bil Pengsekuritian dan Penerimaan Islam (<i>Securitisation and Islamic Accepted Bills-Import (IAB)</i>)	70
2.2.2.5 Pengsekuritian dan Pembiayaan Eksport (<i>Securitisation and Exsport Financing IAB-Exsport</i>)	72
2.2.2.6 Pembiayaan Semula Kredit Eksport Islam (<i>Islamic Exsport Credit Refinancing Scheme-(IECR)</i>)	73
2.2.2.7 Lain-lain Perkhidmatan Di Bawah Pembiayaan Perdagangan Islam Di BIMB (<i>Other Services</i>)	74
2.2.2.7.1 Penghantaran Wang (<i>Money Transfer</i>)	74
2.2.2.7.2 Kutipan Untuk Memulakan Transaksi Perdagangan (<i>Collection Of Proceeds Trade Transaction</i>)	75
2.2.2.7.3 Jual Beli Matawang Asing	76
2.2.2.7.4 Pembelian Bil Pertukaran Asing	76
2.2.2.7.5 Maklumat Perdagangan (<i>Trade Information</i>)	76
2.3 Pembiayaan Perdagangan Islam Di BMMB	
2.3.1 Sejarah Penubuhan BMMB	77
2.3.2 Perkhidmatan Yang Ditawarkan Di BMMB	79
2.3.2.1 Sumber Dana (<i>Deposit</i>)	79
2.3.2.2 Pembiayaan (<i>Financing</i>)	81
2.3.2.3 Lain-Lain Perkhidmatan	82

2.3.3 Produk Pembiayaan Perdagangan Islam Di BMMB	83
2.3.3.1 Dokumen Kredit (<i>Document Of Credit</i>)	85
2.3.2.1 Dokumen Kredit <i>al-Wakalah</i> (<i>DCW</i>)	86
2.3.2.2 Dokumen Kredit <i>al-Murabahah</i> (<i>DCM</i>)	89
2.3.2.3 Dokumen Kredit <i>al-Musharakah</i> (<i>DCM</i>)	93
2.3.3.2 Jaminan Perkapalan <i>al-Kafalah</i> (<i>Shipping Guarantee al-Kafalah (ISG)</i>)	96
2.3.3.3 Surat Jaminan <i>al-Kafalah</i> (<i>al-Kafalah Letter of Guarantee</i>)	98
2.3.3.4 Bil Penerimaan Secara Islam (<i>Islamic Accepted Bill (IAB)</i>)	99
2.3.3.5 Pembiayaan Modal Kerja <i>Murabahah</i> (<i>Murabahah Working Capital Financing-(MWCF)</i>)	100
2.3.3.6 Bil Dalaman Tanpa <i>Ribā</i> Untuk Pengambilan Dokumen (<i>Interest Free Inward Bills For Collection Documentary</i> (<i>IFIBC</i>) (<i>DOC</i>))	104
2.3.3.7 Bil Kutipan Keluar Tanpa <i>Ribā</i> (<i>Interest Free Outward Bills For Collection Documentary</i> (<i>IDOBC</i>) (<i>DOC</i>))	106
2.3.3.8 Pembiayaan Kuasa Beli Bil Tukaran Wang Islam (<i>Islamic Bill of Exchange Purchase</i>) (<i>Authority to Purchase</i>) (<i>IBEP</i>)(<i>AP</i>)	107
2.3.3.9 Pembiayaan Belian Bil Tukaran Wang Islam (<i>Islamic Bill Exchange Purchase Documentary</i>) (<i>IBEP</i>) (<i>DOC</i>)	109
2.3.3.10 Pembiayaan Semula Kredit Eksport Secara Islam (<i>Islamic Export Credit Refinancing Scheme</i>)(<i>IECR</i>)	110
2.4 Kesimpulan	112

BAB KETIGA

ANALISIS PERBANDINGAN PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ISLAM DI ANTARA BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB) DAN BANK MUAMALAH MALAYSIA BERHAD (BMMB)

3.1	Pendahuluan	114
3.2	Persamaan dan Perbezaan Produk Pembiayaan Islam Induk Di antara BIMB dan BIMB:	115
3.2.1	Surat Kredit (<i>Letter of Credit</i>) :	115
3.2.1.1	Surat Kredit <i>al-Wakalah</i>	116
3.2.1.2	Surat Kredit <i>al-Murabahah</i>	116
3.2.1.3	Surat Kredit <i>al-Musharakah</i>	117
3.2.2	Surat Jaminan (<i>Letter of Guarantee</i>)	118
3.2.3	Bil Penerimaan Secara Islam (<i>Islamic Accepted Bill (IAB)</i>)	118
3.2.4	Pembiayaan Modal Kerja al-Murabahah (<i>al-Murabahah Working Capital Financing (MWCF)</i>)	120
3.2.5	Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (<i>Islamic Export Credit Refinancing Scheme (IECR)</i>)	121
3.2.6	Jaminan Perkapalan (<i>Shipping Guarantee al-Kafalah (ISG)</i>)	122
3.3	Persamaan Dan Perbezaan Produk Pembiayaan Islam Pecahan Dari Produk Induk Di antara BMMB dan BIMB:	123
3.3.1	Bil Dalaman Tanpa <i>Ribā</i> Untuk Pengambilan Dokumen (<i>Interest Free Inward Bills For Collection Doc.</i>) (<i>IFIBC(AP)</i> & (<i>IDIBC(AP)</i>) dan Bil Kutipan Keluar Tanpa <i>Ribā</i>	123

	(Interest Free Outward Bills For Collection Doc.) (IFOBC)(DOC) & (IDOBC) Di BMMB Dengan Produk Maklumat Untuk Memulakan Perdagangan (<i>Collection of Proceeds</i>)Di BIMB.	
3.3.2	Produk Pembiayaan Kuasa Beli Bil Tukaran Wang Islam (<i>Islamic Foreign/Domestic Bill of Exchange Purchases</i>) (<i>Autority To Purchase (IFBEP & IDEBP)</i>) di BMMB dan Pembelian Bil Pertukaran Asing di BIMB	125
3.3.3	Pembiayaan Belian Bil Tukaran Wang Asing Islam (<i>IFBEP</i>) Dan Pembiayaan Belian Bil Tukaran Wang Domestik Islam (<i>IDBEP</i>) (<i>Islamic Foreign/Domestic Bill Exchanger Purchase Documentary</i>) di BMMB dan Produk Jual Beli Matawang Asing dan Produk Maklumat Perdagangan (<i>Trade Information</i>) di BIMB.	126
3.4	Ringkasan Perbandingan Produk Pembiayaan Perdagangan Islam Di BIMB Dan BMMB	127

BAB KEEMPAT

PENUTUP

4.0	Kesimpulan	138
4.1	Rumusan	138
4.2	Cadangan dan Saranan	141
4.2.1	Saranan Kepada Bank	141
4.2.2	Saranan Kepada Masyarakat Umum	142
4.2.3	Saranan Kepada Kerajaan	143

BIBLOGRAFI	145
-------------------	-----

LAMPIRAN	
-----------------	--

SENARAI JADUAL

- 3.1 : Jadual Persamaan Dan Perbezaan Bagi Produk Surat Kredit.
- 3.2 : Jadual Persamaan Dan Perbezaan Bagi Produk Surat Jaminan.
- 3.3 : Jadual Persamaan Dan Perbezaan Bagi Produk Bil Penerimaan Islam.
- 3.4 : Jadual Persamaan Dan Perbezaan Bagi Produk Pembiayaan Modal Kerja *al-murābahah*.
- 3.5 : Jadual Persamaan Dan Perbezaan Bagi Produk Pembiayaan Skim Pembiayaan Kredit Eksport.
- 3.6 : Jadual Persamaan Dan Perbezaan Bagi Produk Dalam Produk Bil Dalam Tanpa *Ribā* Untuk Pengambilan Dokumen Dan Bil Kutipan Keluar Tanpa *Ribā*(BMMB) Dengan Produk Maklumat Untuk Memulakan Perdagangan (BIMB).
- 3.7 : Jadual Persamaan Dan Persamaan Dalam Produk Pembiayaan Kuasa Beli Bil Tukaran Wang Islam (BMMB) Dengan Bil Tukaran Asing (BIMB).
- 3.8 : Jadual Persamaan dan Perbezaan Dalam Produk Pembiayaan Belian Bil Tukaran Wang Asing Islam Dan Pembelian Bil Tukaran Wang Domestik Islam (BMMB) Dengan Produk Jual Belian Matawang Asing dan Produk Maklumat Perdagangan (BIMB)

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Model surat *hypothecation* BMMB
- Lampiran B : Borang khusus untuk penangguhan pembayaran BMMB
- Lampiran C : Kontrak *bay' al-dayn* BMMB
- Lampiran D : Nota catatan bagi MWCF BMMB
- Lampiran E : Borang MWCF pembelian BMMB
- Lampiran F : Nota kontrak Pembelian MWCF BMMB
- Lampiran G : Bil pertukaran BIMB
- Lampiran H : Bil IECR BIMB
- Lampiran I : Bil penerimaan Islam- eksport BIMB
- Lampiran J : Bil penerimaan Islam- import BIMB
- Lampiran K : Borang surat kredit BIMB
- Lampiran L : Bil muatan (*bill of lading*)
- Lampiran M : Surat kebenaran kuasa penghantaran tanpa bil muatan
BIMB
- Lampiran O : Permohonan untuk mendapatkan MWCF pembelian di
BIMB
- Lampiran P : Borang pembayaran melalui telegrafik transfer (TT) di
BIMB
- Lampiran Q : Borang permohonan untuk kiriman wang di BIMB
- Lampiran R : Borang permohonan untuk perkhidmatan SWIFT di
BIMB

- Lampiran S : Surat jaminan Tender BIMB
- Lampiran T : Surat jaminan untuk Sub-kontrak BIMB
- Lampiran U : Surat jaminan untuk pembayaran pendahuluan untuk kerja
BIMB
- Lampiran V : Surat jaminan untuk pembayaran pendahuluan untuk barang
BIMB
- Lampiran W : Surat jaminan perkhidmatan BIMB
- Lampiran X : Surat jaminan perkhidmatan secara umum
- Lampiran Y : Surat jaminan perkhidmatan bon BIMB
- Lampiran Z : Surat jaminan perkhidmatan bon (edaran) BIMB

SENARAI KEPENDEKAN

APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
BBA	<i>bay' bithaman ājil</i>
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BIRT	BIMB Institute of Research And Training
BNM	Bank Negara Malaysia
c.	Cetakan
DCM	Document of Credit <i>Murabahah</i> (Dokumen Kredit <i>Murabahah</i>)
DCM	Document of Credit <i>Musharakah</i> (Dokumen Kredit <i>Musharakah</i>)
DCW	Document of Credit <i>Wakalah</i> (Dokumen Kredit <i>Wakalah</i>)
Dr.	Doktor
Drs.	Doktor Randus
ed.	Edited (Penyunting)
<i>et al.</i>	<i>Et alia</i> (dan lain-lain)
H	Hijrah
h.	Halaman
hh.	Halaman-Halaman
IAB	Islamic Accepted Bills (Bil Penerimaan Islam)
<i>Ibid.</i>	<i>Ibidem</i> (pada tempat yang sama)

IDEBP(AP)	Islamic Domestic Bill of Exchange Purchase (Authority to Purchase) (Pembiayaan Kuasa Beli Tukaran Wang Islam Domestik)
IDEBP(DOC)	Islamic Domestic Bill Exchange Purchased Documentary (Pembiayaan Belian Bil Tukaran Wang Domestik Islam) (Dokumen)
IDIBC	Interest Free Domestic Inward Bills For Collection (Bil Kutipan Keluar Domestik Tanpa Riba)
IDOBC	Interest Free Outward Bills For Collection (Bil Kutipan Keluar Tanpa Riba)
IECR	Islamic Export Credit Refinancing Scheme (Pembiayaan Semula Kredit Eksport Islam)
IFBEP (AP)	Islamic Foreign Bill of Exchange Purchase(Authority to Purchase) (Pembiayaan Kuasa Beli Asing Tukaran Wang Islam)
IFBEP(DOC)	Islamic Foreign Bill Exchange Purchased Documentary (Pembiayaan Belian Bil Tukaran Wang Domestik Islam) (Dokumen)
IFIBC	Interest Free Foreign Inward Bills For Collection (Bil Kutipan Keluar Asing Tanpa Riba)
IFOBC	Interest Free Foreign Outward Bills For Collection (Bil Kutipan Asing Keluar Tanpa Riba)
ISG	Islamic Guarantee <i>al-Kafalah</i> (Jaminan Perkapalan Islam)

j.	Juzu'
JAKIM	Jabatan Agama dan Kemajuan Islam Malaysia
Jil.	Jilid
KPKI	Kolej Perbankan & Kewangan Islam
LC	Letter of Credit (Surat Kredit)
LG	Letter of Guarantee (Surat Jaminan)
LUTH	Lembaga Urusan dan Tabung Haji
M	Masihi
MWCF	Murabahah Working Capital Financing (Pembiayaan Modal Pusingan Di bawah Kontrak Murabahah)
NGO	Non Government Organization (Badan-Badan Bukan Kerajaan)
<i>Op.cit.</i>	<i>Opera citato</i> (dalam karya/rujukan yang dirujuk sebelum)
Prof.	Profesor
RM	Ringgit Malaysia
r.a	<i>Radiyallahu 'anh</i>
s.a.w	<i>Sallallāhu 'Alayh wa Sallam</i>
S.W.T	<i>Subhānahu wa Ta'āla</i>
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
SPI	Sistem Perbankan Islam
SPTF	Skim Perbankan Tanpa Faedah
T.P	Tanpa Penerbit
t.t	Tanpa Tarikh

<i>T.T.P</i>	Tanpa Tempat Penerbit
Terj.	Terjemahan
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

Perkataan-perkataan Arab yang digunakan dalam disertasi ini mengikut kaedah berikut :

Huruf Arab	:	Nama Rumi/Transkripsi
ء	:	a, ' (Hamzah)
ب	:	b
ت	:	t
ث	:	th
ج	:	j
ح	:	h
د	:	d
ذ	:	dh
ر	:	r
ز	:	z
س	:	s
ش	:	sh
ص	:	§
ض	:	ɖ
ط	:	ʈ
ظ	:	ڙ

ع	:	'
غ	:	gh
ف	:	f
ق	:	q
ك	:	k
ل	:	l
م	:	m
ن	:	n
ه	:	h
و	:	w
ي	:	y
ۀ	:	h

Vokal Panjang

ا	:	aa
و	:	uu
ي	:	ii

Vokal Pendek

_____ (fathah) a

_____ (dammah) u

_____ (kasrah) i

Diftong

أ : aw

إ : ay

ي : iy/ ī

و : uw

Catatan

Perkataan arab yang telah dimelayukan tidak ditransliterasikan seperti syariah, fuqaha' dan syara'. Ejaan ini adalah berdasarkan ejaan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia .

PENDAHULUAN

**PEMBIAYAAN PERDAGANGAN ISLAM DALAM SISTEM PERBANKAN:
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA BANK MUAMALAT MALAYSIA
BERHAD DAN BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD**

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pendahuluan ini adalah sebagai satu pengenalan dan permulaan bagi sebuah penulisan disertasi yang mana penulis berusaha untuk memperkenalkan satu produk perbankan yang diamalkan di sistem perbankan Islam ketika ini, dengan memberi penjelasan secara keseluruhannya mengenai proses penyelidikan ini. Penyelidikan ini mengandungi latarbelakang masalah kajian, kenyataan tentang masalah kajian, objektif kajian, hipotesis, kepentingan kajian, skop kajian, ulasan penulisan (*review of literature*) serta metodologi kajian.

Latar Belakang Masalah Kajian

Sistem kewangan dan perbankan di Malaysia semakin berkembang dari masa ke semasa seiringan dengan arus pembangunan negara yang sedang pesat membangun. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957, Malaysia telah mula membangun dalam semua aspek tidak kira politik, sosial dan juga ekonomi. Penubuhan Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (LUTH) pada tahun

1969 merupakan era bertapaknya institusi kewangan Islam di Malaysia. Tidak lama selepas itu lahirlah bank perdagangan Islam yang pertama di Malaysia, iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada 1 Julai 1983 yang berteraskan kepada hukum syariah. Walaupun usia Malaysia baru setahun jagung di dalam bidang perbankan Islam namun Malaysia dikatakan perintis kepada Negara-negara Islam yang sedang membangun dalam memertabatkan Sistem Kewangan Islam agar berlari selari dengan Sistem Perbankan Konvensional.

Kejayaan penubuhan bank Islam yang pertama ini telah menambat hati pemerintah untuk mewujudkan sebuah lagi bank yang mengamalkan sistem perbankan Islam yang kedua, maka lahirlah bank perdagangan Islam yang kedua di Malaysia yang dikenali sebagai Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) pada 1 Oktober 1999 yang beroperasi di Ibu Negara Malaysia.

Dalam penulisan ini, penulis ingin membuat kajian tentang salah satu produk yang diamalkan di SPI iaitu produk Pembiayaan Perdagangan Islam yang mendapat tempat di hati pelanggan terutamanya dari luar negara. Produk pembiayaan perdagangan Islam ini menggunakan prinsip-prinsip syariah iaitu *al-mushārakah*, *al-murābahah*, *al-wakālah*, *al-kafālah*, *al-muḍārabah*, *al-qard al-ḥasan*, *al-ijārah*, *al-bay' bithaman ḥājil* dan juga *bay' al-dayn*. Oleh itu dalam kajian ilmiah ini juga, penulis membuat kajian tentang persamaan dalam produk yang digunakan dan juga perbezaan prinsip-prinsip syariah yang diguna pakai dalam melaksanakan produk ini.

Penulis juga cuba merungkaikan prinsip-prinsip syariah yang digunakan untuk merealisasikan produk pembiayaan perdagangan Islam yang diamalkan di BIMB dan juga BMMB.

Kenyataan Tentang Masalah Kajian

Penulis amat berminat untuk membuat kajian ini, disebabkan sebelum ini tidak terdapat kajian perbandingan yang dilakukan oleh mana-mana penulis yang melibatkan dua buah bank perdagangan Islam. Kajian perbandingan yang telah dibuat sebelum ini hanya berkisar di antara bank Islam dengan bank konvensional.

Kajian ini amat perlu kerana, kebanyakan pelanggan bank hanya mengetahui wujudnya produk pembiayaan perdagangan di institusi perbankan konvensional sahaja dan berpendapat bahawa produk ini tidak wujud di SPI. Penulis juga membuat kajian perbandingan tentang perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam produk pembiayaan perdagangan Islam di BIMB dan BMMB. Di dalam perbandingan ini terdapat beberapa prosedur yang mana tidak diamalkan di BMMB akan tetapi diamalkan di BIMB dan begitu juga sebaliknya.

Oleh yang demikian, penulis cuba menyenaraikan persamaan dan perbezaan di dalam produk pembiayaan perdagangan Islam yang diamalkan di kedua-dua buah bank Islam ini iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB).

Objektif Kajian

Setiap kajian yang dijalankan seharusnya menggariskan objektif tertentu bagi memperjelaskan lagi tujuan kajian tersebut. Secara umumnya tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat secara terperinci mengenai produk pembiayaan perdagangan Islam di BIMB dan BMMB dalam sistem perbankan Islam itu sendiri. Antara objektif khusus kajian ilmiah ini ialah :

1. Mengetahui tentang penggunaan prinsip-prinsip syariah yang digunakan dalam produk-produk pembiayaan perdagangan Islam di sistem perbankan Islam.
2. Membuat kajian perbandingan penggunaan prinsip-prinsip syariah dalam produk pembiayaan perdagangan Islam di antara BIMB dengan BMMB.
3. Sumbangan kepada masyarakat untuk lebih memahami tentang produk pembiayaan perdagangan Islam di BMMB dan BIMB yang tidak mangamalkan perkhidmatan yang berteraskan *ribā*.
4. Mengetahui tentang perbezaan di antara dua kalimah dalam perbankan Islam iaitu pembiayaan dan juga pinjaman.
5. Untuk memenuhi syarat keperluan bagi memperolehi Ijazah Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk memberi kefahaman serta membuka minda secara mendalam kepada penulis dan pembaca tentang kepentingan produk pembiayaan perdagangan Islam dalam sistem perbankan Islam di Malaysia. Dalam kajian ini juga penulis cuba membuat perbandingan di antara produk pembiayaan perdagangan Islam di BIMB dengan produk pembiayaan perdagangan Islam di BMMB. Penulis juga turut mendedahkan kepada pembaca tentang prinsip-prinsip syariah yang digunakan dalam produk pembiayaan perdagangan Islam di SPI.

Penulis amat berbesar hati sekiranya terdapat kesinambungan daripada kajian yang lebih mendalam. Harapan penulis agar kajian yang akan dijalankan pada masa hadapan adalah lebih baik, tersusun dan terdapat maklumat yang terkini.

Skop Kajian

Kajian ini adalah berkisar tentang produk perbankan Islam iaitu pembiayaan perdagangan Islam. Aspek utama yang ditekankan di sini ialah tentang kajian perbandingan produk pembiayaan perdagangan Islam yang diamalkan di BMMB dan BIMB. Penulis juga menyentuh tentang prinsip-prinsip syariah yang digunakan di dalam perkhidmatan yang ditawarkan oleh BIMB dan juga BMMB.

Di samping itu juga, penulis turut menyenaraikan secara ringkas tentang latar belakang BMMB dan BIMB serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh kedua-dua buah bank tersebut.

Lokasi Kajian

Penulis menjadikan BMMB Batu 8 cawangan Shah Alam dan ibu pejabat Bank Islam Malaysia Berhad sebagai lokasi utama kajian. Pemilihan BMMB cawangan Shah Alam sebagai lokasi kajian kerana ianya berdekatan dengan pelabuhan Klang dan produk pembiayaan perdagangan Islam ini banyak dipraktikkan berdekatan dengan pelabuhan, ini disebabkan produk ini melibatkan eksport dan import barang dalam dan luar negeri. Kajian ini juga melibatkan Ibu Pejabat BIMB di Darul Takaful, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.

Tinjauan Kajian Terdahulu (*Review of Literature*)

Berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dibuat oleh penulis, didapati tiada penyelidikan secara teperinci dan mendalam berkenaan dengan tajuk disertasi ini. Namun begitu, terdapat juga beberapa penulisan yang menyentuh tentang pembiayaan perdagangan Islam di BMMB mahupun di BIMB secara umum yang menjadi bahan rujukan dan panduan kepada penulisan dan penyelidikan disertasi ini. Antaranya adalah seperti berikut :

- a. Asmak bt. Abdul Rahman & Dr. Joni Tamkin Borhan(2002), ‘Isu-Isu Dalam Kutipan Zakat Pertanian: Kajian Di Selangor’, Kertas Kerja Bengkel Ekonomi Islam Sessi 3, ‘Kearah Pemantapan Pemahaman & Aplikasi Ekonomi Islam Di Malaysia’, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 22 Jun 2002. Kertas kerja ini lebih memfokuskan kepada aspek zakat pertanian, terdapat juga kupasan yang mendalam tentang prinsip-prinsip syariah. Prinsip-prinsip syariah ini turut digunakan oleh penulis untuk merealisasikan penulisan beliau.
- b. Encik Rustam Mohd Idris (2001), ‘Seminar Perbankan Dan Kewangan Islam Dalam Era Globalisasi: Perkembangan Dan Kemajuan Dalam Perbankan Dan Kewangan Islam’, Resource Center College Of Islamic Banking & Finance (KPKI), 2001. Dalam kertas seminar ini, ia lebih memfokuskan kepada produk pinjaman *al-qard al-hasan* di dalam perkembangan dan kemajuan sistem kewangan Islam dan sistem perbankan Islam, akan tetapi kertas seminar itu tidak memfokuskan secara terperinci produk pembiayaan perdagangan Islam.
- c. Ibrahim Shahbudin (2001), ‘Seminar Islamic Banking And Finance Lecture Series’, ‘Trade Finance Facilities’, Hotel Sheraton & Tower, Kuala Lumpur. Organized by Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, 19-20 September 2001. Kertas kerja ini merupakan satu pendekatan awal bagi penulis untuk membuat kajian secara mendalam dalam produk pembiayaan perdagangan Islam di SPI, akan tetapi kertas ini hanya memfokuskan produk pembiayaan perdagangan Islam di BIMB

- sahaja tidak termasuk produk pembiayaan perdagangan Islam yang dianjurkan di BMMB.
- d. Abd. Halim Ismail (1986), ‘Sources and Uses of Funds: A Study of BIMB’, Kertas Kerja Yang Dibentangkan Pada Seminar ‘Developing A System of Islamic Financial Instrument’, Anjuran Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Pembangunan Islam, Kuala Lumpur, Jun 1986. Kertas kerja ini menyatakan secara umum tentang pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia, ia menyentuh berkisar tentang pembiayaan di BIMB termasuklah produk perdagangan Islam secara umum.
 - e. Zai Abdul Aziz (1999), ‘Produk Kewangan Islam dan Pasaran Wang Islam’, Kertas Kerja Dibentangkan Di Seminar Pengenalan Pasaran Modal Islam, Dewan Persidangan SC, Kuala Lumpur, Julai 1999. Walaupun kertas kerja ini berkisar tentang produk kewangan Islam dan pasaran wang Islam, akan tetapi ia lebih cenderung ke arah *al-qard al-hasan*. Merupakan salah satu produk *al-qard al-hasan* juga digunakan dalam pembiayaan perdagangan Islam di BMMB dan juga BIMB.
 - f. Dr. Joni Tamkin Borhan (2000), ‘ Budaya Mua‘malat Setempat Sebagai Asas Pertimbangan Produk-produk Mua‘malat Dalam Amalan Perbankan Islam’, ‘Seminar Hukum Islam Semasa 3 Peringkat Kebangsaan 2000 Di Universiti Malaya, Kuala Lumpur’, 7-8 November 2000. Penulisan ini memfokuskan kepada prinsip-prinsip syariah di dalam produk muamalah perbankan Islam antaranya ialah *al-musyarakah*, *al-*

mudārabah, *al-qard al-hasan* dan *al-murābahah*. Kesemua prinsip syariah ini digunakan dalam produk pembiayaan perdagangan Islam di BMMB dan BIMB.

Terdapat juga hasil penulisan yang berkaitan dengan sistem perbankan Islam yang telah dibukukan untuk tatapan dan pemahaman yang terperinci masyarakat Malaysia khasnya iaitu :

- a. Abd. Mu'min Abd. Ghani(1999), *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya Di Malaysia*, Kuala Lumpur: JAKIM. Buku ini menerangkan secara menyeluruh tentang sistem kewangan Islam di Malaysia terdapat juga produk pembiayaan perdagangan Islam seperti surat kredit, surat jaminan, bil penerimaan dan juga pertukaran wang asing di dalam buku tersebut akan tetapi tidak terdapat produk pembiayaan perdagangan Islam yang dianjurkan oleh BMMB. Buku ini lebih memfokuskan kepada produk perbankan di BIMB.
- b. BIMB (1994), *Islamic Banking Practise From Practitioner's*, Kuala Lumpur: BIMB. Buku ini menerangkan secara terperinci tentang produk perbankan di BIMB. Namun tidak terdapat penulisan tentang produk-produk perbankan di BMMB.
- c. Johnson Pang (1997), *Banking Business and International Trade Finance Malaysia and Singapore* , Singapore: Federal Publications Sdn. Bhd. Buku ini lebih menekan kepada pembiayaan perdagangan yang

dijalankan oleh bank konvensional sahaja di Malaysia dan Singapura. Ia tidak termasuk pembiayaan perdagangan Islam di SPI, akan tetapi buku ini memberi lebih kefahaman kepada penulis dari segi istilah-istilah yang digunakan di bank konvensional seperti *letter of credit, accepted bill* dan lain-lain lagi.

- d. BRIT (1998), *Konsep Syariah Dalam Sistem Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: BRIT. Buku yang dikeluarkan oleh BIRT ini menerangkan kesemua prinsip-prinsip syariah yang diamalkan oleh SPI di Malaysia termasuklah prinsip syariah yang diamalkan dalam produk pembiayaan perdagangan Islam sama ada di BIMB maupun di BMMB.
- e. Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. Buku ini menyenaraikan kesemua perkhidmatan yang ditawarkan di SPI Malaysia seperti sumber dana (deposit), pembiayaan dan juga perkhidmatan lain. Pembiayaan perdagangan Islam yang diutarakan agak ringkas tanpa membuat pengiraan peratusan yang dikenakan kepada pelanggan.
- f. Johnson Pang (1997), *Banking Bussines and International Trade Financing*, Shah Alam: Federal Publications. Seperti juga buku yang terdahulu di atas, Buku ini lebih menekan kepada pembiayaan perdagangan Islam yang dijalankan oleh bank konvensional sahaja di Malaysia dan juga Singapura. Ia tidak termasuk pembiayaan perdagangan Islam di SPI, akan tetapi buku ini memberi memberi manfaat dari segi

istilah-istilah yang digunakan di bank konvensional seperti *letter of credit, accepted bill* dan lain-lain lagi.

- g. Othman Yong(1993), *Pasaran dan Institusi Kewangan di Malaysia, Teori dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku ini menerangkan tentang pasaran dan institusi kewangan di Malaysia dan bagaimana ia dipraktikan dan diamalkan di dalam SPI. Buku ini menyentuh secara sepintas lalu sahaja tentang pembiayaan perdagangan Islam yang telah diamalkan di SPI. Buku ini juga dapat memantapkan lagi hasil kajian ilmiah ini.

Demikianlah antara hasil-hasil kajian ilmiah dan buku-buku yang mana secara keseluruhannya mengambarkan tentang produk pembiayaan perdagangan Islam di SPI dan juga tentang perlaksanaan SPI di Malaysia khasnya dan di luar negara amnya. Maka, selaras dengan kehendak dan pemahaman masyarakat tentang pembiayaan perdagangan Islam di BMIMB dan BIMB adalah wajar bagi penulis untuk memberi penekanan secara khusus mengenai perbandingan produk pembiayaan perdagangan Islam di BIMB dengan BMIMB yang berlandaskan prinsip-prinsip syariah tertentu mengikut kehendak semasa dalam kajian penulisan ini. Ini kerana tidak terdapat lagi kajian perbandingan pembiayaan perdagangan Islam yang telah dibuat melibatkan dua buah bank perdagangan Islam di Malaysia iaitu BMIMB dan juga BIMB. Kajian ini amat penting untuk membuka minda masyarakat yang jelas tentang SPI terutamanya produk pembiayaan perdagangan Islam di BIMB dan BMIMB.

Metodologi Kajian

Dalam latihan ilmiah ini, penulis menggunakan beberapa metod atau kaedah tertentu yang dianggap sesuai agar menepati dan menghasilkan sebuah penelitian yang berkualiti. Ini adalah perlu untuk memastikan apa yang ingin disampaikan akan memberi manfaat yang amat berguna kepada pembaca. Oleh yang demikian, penulis telah menggariskan beberapa metod, iaitu :

- 1) Penyelidikan perpustakaan (*Library research*).
- 2) Penyelidikan lapangan (*Field research*).

1. Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*)

Bagi tujuan ini, penulis menggunakan penyelidikan perpustakaan (*library research*) untuk mendapat serta mengumpul bahan-bahan rujukan dalam bentuk dokumentasi yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan. Penulis menggunakan kaedah ini sebagai kaedah yang pertama dalam pengumpulan maklumat, bahan bercetak seperti buku-buku, risalah-risalah, kertas-kertas kerja ilmiah, keratan akhbar dan data-data yang berkaitan sebagai rujukan. Penulis juga telah mengenal pasti beberapa buah perpustakaan di negeri Kelantan, Wilayah Persekutuan dan juga Selangor yang dapat menyumbang bahan rujukan bagi menjayakan kajian ini. Antara perpustakaan yang menjadi rujukan bagi penulis dalam usaha pengumpulan data adalah :

1. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
3. Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur
4. Perpustakaan Suruhanjaya Sekuriti, Sri Hartamas, Kuala Lumpur
5. Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM Banggi, Selangor
6. Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Kelantan
7. Perpustakaan Nur al-Zahra', Kota Bharu, Kelantan
8. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri, Kelantan

Setelah kesemua data serta maklumat yang dikehendaki berjaya dikumpulkan oleh penulis, kesemua maklumat tersebut dikaji dan dianalisis agar ianya menepati dan bersesuaian dengan keperluan kajian.

2. Penyelidikan Lapangan (*Field Research*)

Bentuk penyelidikan ini adalah penyelidikan secara langsung ke atas tajuk yang dipilih untuk dibuat kajian. Justeru itu, demi mendapatkan ketepatan data-data dan juga maklumat yang tepat sama ada secara langsung atau tidak langsung penulis telah membuat kunjungan ke tempat yang dikaji iaitu ibu pejabat BIMB Kuala Lumpur dan juga BMMB cawangan Shah Alam. Di samping itu juga, penulis telah

menggunakan dua metod lain yang dikira sesuai untuk mengkaji, mengupas dan menganalisis data-data yang diperlukan di dalam penyelidikan ini, iaitu :

- 1) Metod pengumpulan data
- 2) Metod analisis data

2.1 Metod Pengumpulan Data

Kaedah ini lebih menitikberatkan kepada pengumpulan terhadap data-data yang telah dikumpulkan untuk memperolehi maklumat yang tepat, konkret serta mempunyai nilai dari segi objektif mengikut kaedah-kaedah yang tertentu. Untuk merealisasikan metod pengumpulan data ini, beberapa metod lain juga diperlukan bagi menyokong pengumpulan maklumat dan data yang dikehendaki seperti berikut :

- 1.a) Metod persejarahan
- 1.b) Metod dokumentasi
- 1.c) Metod wawancara

2.1.a Metod Persejarahan

Pada amnya, penyelidikan ini lebih tertumpu pada sudut sejarah terhadap sesuatu permasalahan. Ianya bertujuan untuk mendapatkan data-data yang bersejarah berbentuk dokumen yang bernilai dan mempunyai kaitan dengan masalah pengkajian ilmiah tersebut terutama dalam menentukan ketepatan tarikh perlaksanaan produk di perbankan Islam dan juga tarikh penubuhan BIMB dan

BMMB secara tepat. Begitu juga dengan sejarah perkembangan perbankan Islam dunia.

2.1.b Metod Dokumentasi

Kaedah ini pula menerangkan tentang pengumpulan data yang terdiri daripada segala bentuk dokumen seperti buku, keratan akhbar, artikel dan sebagainya yang mempunyai hubung kait dengan tajuk disertasi. Di samping itu juga, penulis juga menekankan sumber asas dalam Islam iaitu berpandukan kepada al-Qur'an dan juga al-Hadīth serta kitab-kitab fiqh dalam bidang muamalah Islam yang lampau dan terkini.

2.1.c Metod Wawancara

Metod ini merangkumi cara yang digunakan oleh seseorang bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan keterangan secara lisan daripada responden dengan mewawancara responden tersebut. Dengan menggunakan metod ini, dapat memberi manfaat kepada penulis di dalam memberi kefahaman yang lebih jelas tentang produk pembiayaan perdagangan Islam di BMMB dan di BIMB.

2.2 Metod Analisis Data

Kaedah ini diguna pakai oleh penulis di dalam penghuraian masalah kajian yang dibuat oleh penulis. Kaedah metod analisis data ini terbahagi kepada dua unsur, iaitu:

2.2.a Deduktif

Menerangkan tentang penghuraian permasalahan yang di hadapi oleh penulis dengan cara membuat kesimpulan dengan menggunakan dalil yang bersifat umum.

2.2.b Komparatif

Iaitu membuat kesimpulan melalui kajian perbandingan terhadap data-data dan fakta-fakta yang dikumpul di BIMB dan di BMMB. Ini merupakan sebagai metod penulis dalam bab akhir (bab empat). Kajian perbandingan ini mengandungi perbezaan dan persamaan produk pembiayaan perdagangan Islam di kedua-dua buah bank tersebut. Perbezaan yang dapat diungkaikan dari segi penggunaan istilah dalam sesuatu produk induk pembiayaan perdagangan Islam, penggunaan prinsip-prinsip syariah Islam yang berlainan di antara produk tersebut dan tempoh (*tenor*) bagi menentukan kadar sesuatu pembiayaan perdagangan Islam bagi (*bay' al-Murābahah*). Perbezaan juga terdapat pada pengeluaran jaminan bagi produk surat jaminan di antara BIMB dan juga BMMB begitu juga modus operandi yang

digunakan oleh kedua-dua buah bank tersebut. Akan tetapi disebalik perbezaan yang ditemui terdapat juga persamaan di dalam produk pembiayaan perdagangan Islam ini seperti penerimaan deposit daripada pelanggan terlebih dahulu sebelum pihak bank membuat pembayaran kepada pengeksport / penjual setelah menerima barang.

Kenyataan Masalah Kajian

Dalam usaha menyiapkan latihan ilmiah ini, penulis tidak dapat tidak lari daripada berdepan dengan pelbagai masalah. Antara masalah yang timbul ialah kesukaran untuk mendapat bahan-bahan rujukan yang menepati kehendak tajuk. Penulis juga sukar untuk mendapatkan kertas-kertas kerja yang meluas dalam membahaskan secara terperinci tentang tajuk kajian. Memandangkan ramai sarjana ekonomi Islam banyak menerbitkan buku dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa Arab, ini memerlukan kepada penelitian yang lebih detail dalam usaha penterjemahan kedalam bahasa ibunda (Malaysia).

Waktu yang terbatas ketika membuat penyelidikan juga telah menyukarkan penulis untuk menambah atau mengkaji lebih banyak lagi bahan-bahan rujukan lain, dan tidak dapat memberi perhatian yang khusus kepada penulisan kerana penulis terpaksa membahagikan masa untuk bekerja, kesempatan cuti sekolah sahaja yang dapat diambil oleh penulis untuk bertungkus lumus menyiapkan kajian ini. Penulis juga menghadapi masalah di dalam menentukan hari yang sesuai untuk menemubual responen, bagi melakukan metod wawancara dengan responden kerana penulis

berada di Kelantan dan kebanyakan responden yang dikehendaki oleh penulis berada di Kuala Lumpur dan Selangor, kesempatan ini hanya dapat di ambil pada hari jumaat dan sabtu setiap minggu kerana hari tersebut merupakan hari cuti umum di negeri Kelantan.

Walaupun pelbagai rintangan yang dilalui oleh penulis dalam usaha menyiapkan kajian ilmiah ini, namun dengan tabah bersertakan dengan semangat dan komitmen telah diberikan oleh penyelia ustaz Azizi Che Seman dan Dr. Joni Tamkin Borhan, penulis mampu meneruskan jua perjuangan ini sehingga penulis berjaya mencapai natijahnya.